

BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN (BERKAT)

d/a Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2,
62594 Putrajaya

Rujukan: ANM (T) 81/10/9/10 (2)

Tarikh: 26 Disember 2013

Semua Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Semua Pengarah Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Semua Ketua Akauntan
Jabatan Mengakaun Sendiri

Semua Ketua Akauntan
Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri

Y. Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PINDAAN UNDANG-UNDANG DAN PERLEMBAGAAN BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN (BERKAT)

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara diatas.

2. Untuk makluman, Mesyurat Agung LuarBiasa BERKAT pada 4 September 2013 telah bersetuju untuk meminda Undang-undang dan Perlembagaan BERKAT seperti berikut:

Fasal 4: Keahlian

Keahlian BERKAT terbahagi kepada dua kategori:

4.1 Semua anggota yang berkhidmat di Jabatan Akauntan Negara diseluruh Malaysia dan semua anggota Perkhidmatan Perakaunan yang berumur 18 tahun dan ke atas dan warganegara Malaysia adalah secara otomatis menjadi Ahli BERKAT

4.2 Ahli Keluarga terdiri daripada anggota keluarga ahli. Ahli keluarga tidak berhak mengundi dan memegang jawatan dalam BERKAT

Fasal 6: Sumber Kewangan

6.1 Yuran bagi ahli biasa adalah seperti berikut:

JUSA ke atas RM20.00 sebulan

Gred 48-54 RM10.00 sebulan

Gred30-44 RM6.00 sebulan

Gred 1-29 RM2.00 sebulan

6.2 Ahli keluarga tidak dikenakan sebarang yuran

6.3 Bayaran Yuran hendaklah dibuat secara potongan gaji

6.4 Yuran Khas atau kutipan wang daripada ahli untuk perkara tertentu boleh dipungut dengan persetujuan Jawatankuasa. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar yuran tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran bulanan.

3. Pemohonan pindaan ini telah dipanjangkan ke Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dan telah diluluskan sepenuhnya pada 18 November 2013. Sehubungan dengan itu, Akauntan Negara Malaysia, selaku pengerusi BERKAT telah bersetuju agar pindaan ini dikuatkuasakan pada 1 Januari 2014. Y. Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan selaku Agen BERKAT di jabatan/kementerian diharapkan agar dapat mengambil tindakan sewajarnya.

3. Bersama-sama ini juga disertakan, Undang-Undang Dan Perlembagaan BERKAT, Garis Panduan Pemberian Sumbangan BERKAT, Borang Keahlian BERKAT dan Borang Pemohonan Sumbangan BERKAT untuk panduan Y. Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Kerjasama dari Y. Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amatlah dihargai dan didahului dengan setinggi penghargaan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi & Integriti Merealisasikan Perakaunan Akruan”

Saya yang menurut perintah,



ZAIDA AZIAN BINTI SHAFIEI

Setiausaha, BERKAT

Tarikh: 26 Disember 2013